

# Bendung budaya LGBT sebelum jadi parah

**B**ARU-BARU ini masyarakat dikejutkan dengan penyebaran sekeping gambar yang didakwa memaparkan aktiviti melampau sekumpulan lelaki berpakaian wanita di pantai Port Dickson, Negeri Sembilan.

Gambar yang dimuat naik oleh seorang pengguna laman sosial itu telah mendapat pelbagai reaksi daripada netizen. Rata-rata mereka mengecam tindakan kumpulan terbabit yang disifatkan tidak sensitif dan memalukan.

Insiden itu turut menarik perhatian pihak berkuasa namun hasil pemantauan mendapat tida aktiviti seperti yang didakwa selain tiada laporan polis yang dibuat oleh mana-mana pihak.

Belum reda dengan insiden tersebut, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pula menahan sekumpulan lelaki di sebuah premis di Bandar Baru Bangi kerana dipercayai terlibat dalam aktiviti seks songsang pada Ahad lalu.

Lebih mengejutkan, sebahagian besar mereka yang ditahan beragama Islam malah ada antaranya mengaku positif HIV.

Memetik kenyataan Pengarah JAIS, Datuk Haris Kasim di sebuah akbar tempatan baru-baru ini, beliau berkata, ketika serbuan, kumpulan terbabit sedang berpesta dan ada yang sedang berbogel beramai-ramai di tingkat atas premis berkenaan.

Katanya, ia merupakan parti eksklusif untuk golongan gay dan terhad kepada jumlah tertentu sahaja.

Beliau turut mendedahkan kumpulan terbabit berkomunikasi menggunakan aplikasi We-Chat bagi mengelak kegiatan itu dikesan pihak berkuasa.

Apa yang pasti, kedua-dua insiden itu membuktikan budaya lesbian, gay, biseksual dan transgender atau yang sering diringkaskan sebagai LGBT mula menjadi barah dalam masyarakat khususnya umat Islam.

Lebih-lebih lagi dalam konteks Malaysia sebagai sebuah model negara Islam yang bukan sahaja dihormati di rantau ini malah di seluruh dunia.

Justeru, pendedahan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) baru-baru ini bahawa populasi komuniti LGBT khususnya gay dan transgender semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu sewajarnya membuka mata banyak pihak.



Di Sebalik  
Isu Panas !

Bersama AMMAR JAZLAN MAD LELA

Ibu bapa memainkan peranan penting bagi mengawasi anak-anak mereka agar tidak terjebak dengan gejala LGBT.

**Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Roslan Rosnon** berkata, menentang budaya LGBT bukanlah bermaksud menidakkannya hak asasi golongan itu sebagai manusia.

Katanya, mereka masih mempunyai akses untuk memperoleh pendidikan, penjagaan kesihatan dan peluang pekerjaan di negara ini.

"Namun apabila isu LGBT melibatkan kesalahan moral seperti pesta seks, seks rambang dan sebagainya yang melibatkan moral maka ia perlu dipandang serius bukan sahaja institusi sosial malah masyarakat perlu memainkan peranan bagi membantu membendungnya."

"Peranan masyarakat sebagai mata dan telinga seharusnya dapat membantu menekankan masalah ini daripada menjadi lebih parah," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambah Mohd. Roslan, terdapat faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan populasi komuniti LGBT di negara ini termasuklah pengaruh rakan-rakan dan media massa.

Katanya, komuniti LGBT di Barat begitu aktif mempromosikan aktiviti dan gaya hidup songsang itu melalui internet.

"Golongan muda khususnya remaja yang menghadapi kekosongan jiwa atau kehausan hawa

nafsu akan mudah tertarik sekali gus terjebak dalam gejala ini tanpa disedari.

"Faktor lain yang turut menyumbang ialah pola penjagaan bayi sama ada dalam keluarga yang memberi perlindungan berlebihan, kekurangan kasih sayang atau yatim piatu, gejala buli dan pornografi," katanya.

Jelasnya, isu tersebut perlu diselesaikan bermula dari rumah lagi yang mana ibu bapa memainkan peranan penting bagi mengawasi anak-anak mereka agar tidak terjebak dengan gejala LGBT.

Selain itu, katanya, pihak berkuasa juga harus menyantuni golongan ini dengan kaedah lebih berhemah bukannya bersifat menghukum.

Sementara itu, pendakwah bebas, **Muhidin Mokter** pula berpendapat, tindakan segelintir umat Islam mengamalkan dan mempromosikan budaya LGBT disebabkan mereka tidak mempunyai matlamat hidup yang jelas.

"Matlamat hidup umat Islam ialah untuk mengabdikan diri kepada Allah dan sebab itu mereka perlu melaksanakan segala suruhan dan menghindari segala larangan seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis."

Tambah Muhidin, secara fitrahnya kehidupan manusia adalah secara berpasangan antara lelaki dan wanita.

Bagaimanapun, apabila ia melibatkan hubungan sejenis atau hubungan songsang, maka ia lebih kepada mencari kepuasan dan terlalu mengikut hawa nafsu.

"Justeru, adalah penting untuk kita mempunyai kawalan diri iaitu kembali kepada takwa. Biarpun nafsu ingin melakukannya tetapi agama melarang maka seseorang itu tidak akan terjerumus ke dalam kancang dosa dan maksiat," ujarnya.

## KEHEBATAN SEKEPING FOTO



APP  
BEBERAPA wanita merakam gambar sekawan burung yang berterbang ketika menaiki sebuah sampan di Sungai Yamuna dalam keadaan cuaca berjerebu di New Delhi, India semalam.